

**PERUBAHAN RITUAL SOGIT DALAM PEMBUKAAN KAWASAN
TANAH BAHARU DI RANAU, SABAH: SATU TINJAUAN AWAL**
***CHANGES OF SOGIT TRADITION IN VACANT LAND
OPENING AT RANAU, SABAH: A PRELIMINARY REVIEW***

MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN
SYAMSUL AZIZUL MARINSAH
SURAYA SINTANG

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

Corresponding author: mu1921017t@student.ums.edu.my

Tarikh dihantar: 21/11/2021 / Tarikh diterima: 20/1/2022 / Tarikh terbit: 22/12/2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v28i1.4195>

ABSTRAK *Sogit* adalah pampasan, ganti rugi ataupun denda yang dikenakan kepada individu yang melanggar norma atau kod etika adat. Sungguhpun begitu, amalan ini telah mengalami banyak perubahan terutamanya dalam tatacara pelaksanaan, rentetan daripada masyarakat Dusun yang telah banyak memeluk agama Islam. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perubahan ritual *sogit* dalam pembukaan kawasan tanah khususnya di daerah Ranau. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan dua kampung sebagai lokasi kajian iaitu Kampung Purakogis dan Lipasu Lama, memandangkan masyarakat Dusun dalam kampung tersebut telah memeluk agama Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual semi berstruktur dan observasi. Hasil kajian mendapati, berlaku banyak perubahan dan sinkretisme di antara ajaran pra-Islam dengan ajaran Islam dalam amalan *sogit* pembukaan kawasan tanah baru.

Kata kunci: Perubahan, amalan, *sogit*, tanah, Dusun, Islam, Ranau.

ABSTRACT *Sogit* is a reparation, compensation or a punishment made upon an individual who violates norms and customs etiquette code. However, this particular tradition has undergone drastic changes especially in its implementation. This scenario is mainly due to most of the Dusuns who have started to adapt Islam as their religion. Therefore, the main objectives of this research is to identify the changes of *sogit* tradition in an opening of a vacant land in Ranau. In this research, the researcher focuses on two villages as their location of study, which is Kampung Purakogis and Lipasu Lama. In addition, this research is adapting qualitative approach as their research

method where data collection was made through semi structured interviews and observations. Research finding shows that there are many changes and synchronism between Islam's early teachings and the teaching of Islam itself in an agricultural land opening tradition.

Keywords: Changes, practice, sogit, land, Dusuns, Islam, Ranau

PENDAHULUAN

Sogit adalah amalan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Dusun sejak sekian lama. Amalan ini diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka yang pada asalnya merupakan orang-orang Pagan (Suraya, 2003). Walaupun telah diamalkan sejak sekian lama, pada hari ini *sogit* telah digazetkan dalam Enakmen (1995) undang-undang adat Mahkamah Anak Negeri Sabah (MANS) sebagai suatu undang-undang adat. Berdasarkan Enakmen (1995), *sogit* diterjemahkan kepada beberapa makna seperti pampasan, ganti rugi dan denda. Sungguhpun begitu, dalam pelaksanaan di kampung ini, khususnya dalam amalan pembukaan kawasan baru, *sogit* diterjemahkan sebagai perjanjian (Samuien, 2021; Parasin, 2021). Makna perjanjian merujuk kepada perjanjian antara manusia dengan makhluk halus (Ruhatin, 2021). Samuien (2021) menjelaskan;

Kadang-kadang yang macam tanah baru yang kita mau buka ni kan, ramai orang kampung yang, apa itu, saya pun tidak tahu macam mana, kadang-kadang ada yang dia lihat dia buli nampak, kira macam dia bayangan ka?, atau macam mana ka? begitu, kadang-kadang dia ternampak makhluk-makhluk, hah iya begitu tu, penunggu kawasan begitu, jadi bila suda begitu, di kawasan sini ni masih lagi ada amalan-amalan yang begitu.

Ruhatin (2021);

Dia macam kalau yang sembelih itu, umpama perjanjian la, kalau sudah disembelih itu ayam, siapa-siapa yang melanggar ini adat di kawasan itu, atau itu makhluk mengganggu manusia selepas itu, seolah-olah itu makhluk kena sembelih di alam sana la, itu macam perlambangan dia la, begitu juga la kalau yang sebaliknya.

Parasin (2021) menjelaskan kebiasaan makhluk halus yang menghantui kawasan hutan ini adalah *rogon* dan *tombiruo*. Berdasarkan mitologi dalam teologi primitif masyarakat Dusun yang ditulis oleh Arena Wati (1978), menunjukkan kedua-dua entiti ini berbeza. *Rogon* atau nama asalnya *logut* adalah anak *kinorohingan*. Manan (2021) menyatakan, *rogon* adalah nama bagi sosok makhluk yang sangat jahat (*evil spirit*), nama ini sering digunakan oleh orang-orang tua masyarakat Dusun dahulu untuk menakut-nakutkan anak mereka yang masih bermain walaupun telah masuk waktu maghrib. Sedangkan, *tombiruo* asalnya adalah *kododuo*, iaitu nama bagi roh manusia yang telah meninggal dunia. *Kinorohingan* memberikan masa selama tujuh hari untuk *kododuo* menetap di dunia untuk melihat keluarganya buat kali yang terakhir sebelum berpindah ke Gunung Kinabalu. Walau bagaimanapun, terdapat *kododuo* yang melarikan diri bersembunyi ke kawasan hutan. Roh yang melarikan diri ini disebut sebagai *mongombiruo*. Kemudian ditukar namanya kepada *tombiruo* (penunggu hutan) apabila mengganggu manusia (Nor & Asmiaty, 2019).

Sebagai suatu gambaran awal bagi lebih memahami tujuan pelaksanaan amalan *sogit* dalam pembukaan kawasan baharu ini, pertama perlu difahami bahawa kedua-dua makhluk halus ini merupakan penghuni kawasan hutan. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa hutan sebagai penempatan dan perkampungan mereka. Analoginya adalah, sekiranya ada manusia yang datang, tanpa meminta izin dengan sesuka hati membuka, membersihkan, menebang pokok dan seumpamanya, tanpa memberikan sebarang pampasan atau ganti rugi, perbuatan ini tentunya akan mengundang perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk kampung. Tambahan pula, boleh jadi tanah yang dibuka tersebut adalah hak milik individu. Pada pandangan pengkaji, perkara inilah yang perlu dielakkan, dengan menjadikan *sogit* sebagai suatu instrumen perjanjian manusia dengan makhluk halus seperti yang dinyatakan oleh Ruhatin (2021).

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan metode kualitatif, seperti temu bual semi berstruktur dan observasi. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menemui bual beberapa orang informan yang terdiri daripada kakitangan MANS daerah Ranau

berkenaan situasi pengamalan *sogit* di sekitar daerah Ranau. Selain daripada itu, pengkaji turut menemu bual ketua adat di Kampung Lipasu Lama dan Kampung Purakogis, Kundasang, Ranau Sabah khususnya berkaitan pelaksanaan ritual *sogit* buka tanah di kawasan kampung mereka. Pemilihan kedua lokasi kajian ini kerana masyarakat Dusun di kedua-dua kampung tersebut terdiri daripada penganut agama Islam, dalam masa yang sama masih mengamalkan *sogit* pembukaan kawasan baru.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa perubahan yang ketara dalam amalan *sogit* pembukaan kawasan baru ini. Ketua Anak Negeri (KAN) DUN Karanaan Marcus (2021) menjelaskan, perubahan yang berlaku dalam setiap amalan yang melibatkan *sogit* berpunca daripada penganutan agama, dan sikap peduli masyarakat Dusun terhadap amalan *sogit* yang semakin menurun. Perubahan ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Perbandingan perubahan amalan *sogit* pembukaan kawasan baru

Bil	Aspek	Asal	Kini
1	Ketua Upacara	<i>bobolian</i>	imam/ ketua adat/
2	Bacaan	<i>inait</i>	doa selamat dan tolak bala
3	Korban	ayam jantan	-
4	Bahan-bahan	<i>komburongoh</i> , pisau sembelih dan bekas (manguk).	sirih dan buah pinang

Sumber: Data temu bual yang diubah suai.

Secara umumnya, asal ketua bagi setiap upacara keagamaan masyarakat Dusun diketuai oleh *bobolian* (Parasin, 2021; Marcus, 2021; Manan, 2021; Siansim, 2021). Perkara ini kerana, *bobolian* sahaja yang mampu berbahasa *babalian* (*babalian language*) (Marcus, 2021; Rosalyn Gelunu, 2013). Bahasa *babalian* adalah bahasa suci yang diajarkan oleh roh *huminodun* sewaktu pertama kali mengajarkan ilmu *kebobolianan* kepada seorang wanita terpilih dalam kalangan masyarakat Dusun (Manan, 2021). Walau bagaimanapun, setelah masyarakat Dusun menganut agama Islam, peranan *bobolian* ini diambil alih oleh imam atau ketua adat. Di daerah Ranau, ketua adat juga berperanan sebagai ketua kampung (Marcus, 2021).

Perubahan seterusnya turut boleh dilihat dalam aspek bacaan. Berdasarkan konteks tersebut, pada asalnya, pembacaan dikenali sebagai *inait* atau *rinait* (Manan, 2021). Manan (2021) menjelaskan, *rinait* adalah semacam dialog di antara *bobolian* dengan makhluk halus. Rosliah (2013) pula menjelaskan *inait* bermaksud mantera tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Dusun. Contoh *inait* boleh dilihat dalam Minah (2012) seperti;

Sori ko po tilombuso' ala' ko po gintuva o'; kono tulung tanda'pow kono tuni'; kada' no pononsuli' ingkod om ponungkalos; atahakan okoi no otunuzan no bala'; balas rogon; Atahakon tandaha'otunuzan polozon; rogon omurung kito po meinat omungkang po bala'.

Terjemahan bebas dalam bahasa Melayu;

Aku terus bercakap padamu; marilah berkumpul datanglah semua; sedialah di sini; kau dengarlah kata-kata *bobolian*; balas *rogon*; senanglah hatiku; kau sudah memberi ayam dihadapanku, kau sudah hantar ayam jantan walaupun aku jahat sangat.

Dalam konteks ini, boleh dilihat telah berlaku perubahan. Bacaan *inait* ditukarkan kepada bacaan doa selamat dan doa tolak bala (Parasin, 2021; Samuien, 2021). Evans (1953) dalam catatannya ada menyebutkan istilah yang bersamaan dengan peranaan doa selamat dan doa tolak bala iaitu *popogulik*. Manan (2021) menerangkan, “*popogulik kalau ikutkan kepercayaan ini nenek moyang dia umpama doa kita kepada semangat supaya dia menjaga kita*”. Dalam Evans (1953), pada tahun 1942, masyarakat Dusun pagan telah menjalankan upacara *popogulik* untuk memohon *kadamaian*, akibat penderitaan dan kezaliman yang dibuat oleh tentera Jepun terhadap mereka.

Pengkaji berpendapat bahawa di antara *popogulik* dengan doa selamat dan doa tolak bala ini keduanya kelihatan sama pada konteks. Kedua-duanya dibacakan bertujuan untuk memohon kedamaian, keselamatan dan dilindungi daripada pelbagai bentuk kemudaratuan yang ada di dalam hutan. Sungguhpun begitu, antara *popogulik* dengan doa selamat masing-masing berbeza pada itikad. PRPM (2021) menjelaskan, itikad adalah keyakinan dalam hati yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Tuhan serta rukun iman. Berdasarkan konteks tersebut, menurut Samuien (2021) dan Parasin (2021), “memang kita doa selamat dan tolak bala kepada Allah, untuk memindahkan semangat

itu yang berada di sana supaya dia tidak akan kacau dengan kita, kita baca doa supaya tempat itu selamat kita guna, maksud dia tiada apa-apa makhluk halus yang ganggu sama kita”. Secara jelas dapat dilihat, pembacaan doa selamat ditujukan secara khusus kepada Allah SWT semata-mata. Sedangkan, *popogulik* ditujukan kepada semangat. Perkara ini juga membuktikan bahawa dalam upacara *popogulik* itu turut dipengaruhi oleh unsur animism, iaitu kepercayaan terhadap kewujudan pelbagai jenis semangat.

Seterusnya, perubahan ini juga boleh dilihat dalam aspek bahan-bahan yang digunakan dalam ritual ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Parasin (2021) dan Samuien (2021), asalnya ia terdiri daripada *komburongoh*, korban binatang, pisau sembelihan dan manguk. Terdapat pelbagai pengertian atau defini yang diberikan oleh masyarakat kampung terhadap makna *komburongoh*. Pertamanya, *komburongoh* adalah tuhan (Manan, 2021); *komburongoh* adalah semangat (Hakim, 2021; Parasin, 2021; Samuien, 2021), *komburongoh* adalah *dewato* (Manan, 2021) dan *komburongoh* adalah rumput (Marcus, 2021). Arena (1978) pula menjelaskan, *komburongoh* adalah nama panggilan bagi sejenis rumput jerangau. Dalam konteks ini, menurut Arena (1978) juga, dalam *komburongoh* berisi semangat *rinokian* (semangat jantan) yang mempunyai kemampuan menghubungkan manusia dengan alam supernatural. Penjelasan yang sama turut diberikan oleh Manan (2021) yang menjelaskan bahawa *Komburongoh* digunakan sebagai suatu instrumen untuk meghubungkan alam manusia dengan alam *supernatural*. Oleh sebab itu, dalam Low & Sri (2014), menjelaskan *komburongoh* adalah material yang wajib ada dalam upacara mengubat. *Bobolian* menggunakan untuk memanggil roh, dan mencari roh pesakit yang disembunyikan oleh *rogon*. Dalam konteks *sogit* pembukaan kawasan baru pula, *komburongoh* digunakan untuk memanggil semangat *rogon* ketika *sogit* dijalankan.

Pada hari ini, bahan-bahan tersebut telah diganti dengan daun sirih dan pinang. Jika ditinjau dari aspek tujuan, matlamat penggunaan sirih dan pinang ini ada dua. Pertama sebagai jamuan kepada makhluk halus, manakala yang kedua sebagai hadiah kepada Allah SWT. Berdasarkan kepada penjelasan Samuien (2021) dan Parasin (2021), “...daun sirih itu, hadiah itu, supaya dia tidak ganggu kita, itu memang ada, itu macam itu tokong kan, dia ada sajian di sanakan? ahh dia lebih kurang begitu la itu, ini hadiah, hadiah kepada

mengikut yang anu, dia hadiah kepada Allah swt. Hah hadiah kepada Allah swt, kita bermohon kepada Allah swt, supaya kita selamat”. Di sini, pengkaji melihat perubahan yang berlaku masih mengekalkan saki baki kepercayaan yang berbentuk animisme iaitu kepercayaan terhadap kewujudan pelbagai jenis semangat, dan dalam masa yang sama turut mencerminkan adanya unsur sinkretisme. Dari sudut antropologi, sinkretisme mempunyai pelbagai maksud. Oleh hal yang demikian, maksud yang sesuai berdasarkan konteks kajian ini adalah percampuran antara budaya dengan agama (Syamsul, 2019).

Peranan pinang dan sirih ini mempunyai satu tujuan yang jelas, iaitu untuk diberikan kepada makhluk halus sebagai jamuan. Perbandingan yang dibuat oleh Parasin (2021), “macam itu tokong kan, dia ada sajian di sanakan? ahh dia lebih kurang begitulah...”. Konsep jamuan yang diberikan kepada sirih dan pinang ini, bersamaan dengan konsep *sogit* yang asal iaitu sembelihan korban binatang (ayam jantan) untuk menjamu *rogon*. Berdasarkan persamaan ini, pengkaji menyifatkan, peranan sirih dan pinang serta peranan korban binatang pada bentuk pelaksanaan yang asal tidak mengalami perubahan. Perubahan yang berlaku, hanya sekadar pada bahannya tetapi tidak pada tujuannya.

Berdasarkan konteks tersebut, unsur sinkretisme (percampuran budaya dengan ajaran agama) dalam amalan ini dapat dilihat dengan penggunaan kalimat Allah SWT. Kedua-duanya meyakini bahawa sirih dan pinang itu dihadiahkan kepada Allah SWT. Kemudian, terpulang kepada Allah SWT, hendak memberikan kepada siapa sirih dan pinang tersebut sebagai jamuan kepadanya (Samuien, 2021). Kemudian, Samuien (2021) menjelaskan, “ia seperti yang dituntut oleh agama kita”. Sinkretisme yang berlaku ini perlu dinilai semula dari perspektif hukum Islam demi menjaga akidah masyarakat Dusun Islam khususnya dan membetulkan semula kefahaman masyarakat Dusun Islam terhadap agama Islam.

KESIMPULAN

Setiap kaum pasti mempunyai suatu amalan yang diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka. Tidak kira sama ada, amalan dalam bentuk pantang, hukuman, perubatan, masakan dan seumpamanya. Peredaran masa, penganutan agama dan percambahan teknologi menyebabkan amalan warisan

ini mengalami banyak perubahan. Berdasarkan konteks tersebut, gelombang perubahan ini turut melanda ritual *sogit* dalam pembukaan kawasan baru.

Sungguhpun begitu, pengkaji mengakui dan menyedari bahawa sedikit sebanyak perubahan yang berlaku dalam ritual ini membuktikan bahawa masyarakat Dusun khususnya yang beragama Islam semakin peka dengan tuntutan dan kehendak syariat agama yang dianuti khususnya agama Islam. Walau bagaimanapun, pengkaji turut mengakui bahawa perubahan yang dilakukan masih belum diharmonisasi sepenuhnya dan menyebabkan wujudnya sinkretisme di antara budaya dengan ajaran agama Islam. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar suatu kajian lanjutan dilakukan bagi menilai semula sinkretisme yang berlaku daripada perspektif hukum Islam. Penilaian ini amat penting bagi menjaga kesucian akidah masyarakat Dusun Islam khususnya di daerah Ranau.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS0524-1/2019) yang telah membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Arena Wati. (1978). *Pribumi Sabah Dusun: Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri. (1995). *Warta Kerajaan Tambahan ke 2*. Ranau: Mahkamah Anak Negeri Ranau.
- Evans, I.H.N. (1953). *The religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Low Kok On & Sri Ningsih. (2013). Pandangan dunia dan konteks upacara dalam Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut. *Jurnal Akademika*, 18, 47-59.
- Manan Bin Badin. 6 Jun 2020.
- Marcus Faizal. 2 April 2021.
- Minah Sintian. (2012). Mantera atau rinait Kadazandusun: Tinjauan dalam aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan. *Kertas Konferensi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Norsuhaila Sulaiman & Asmiaty Amat. (2019). Analisis kepercayaan etnik Kadazandusun Sabah dalam Antologi Tangon. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12 (1), 97-108.
- Parasin. 2 April 2021.
- Pejabat Daerah Ranau. (2021). *Senarai DUN Daerah Ranau*. [https://pdranau.sabah.gov.my/penerbitan_view.php?id=65
](https://pdranau.sabah.gov.my/penerbitan_view.php?id=65
). Diakses pada 6 Ogos 2021.
- Rosalyn Gelunu. (2013). Rinait: Bahasa keramat masyarakat Dusunik. Dlm. Rahimah A. Hamid, Ahmad Moghni Salbani & Saad Othman (ed.), *Merekayasa Kearifan Tempatan melalui Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit, Universiti Sains Malaysia.
- Rosliah. (2013). Unsur-unsur sejarah dalam *sundawil* (pantun) Kadazandusun. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ruhatin Duari. 1 April 2021.
- Samuien Yassin. 1 April 2021.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59-80.
- Syamsul Azizul. (2017). Unsur sinkretisme dalam uruf dan adat masyarakat Bajau di Sabah: *Analisis dari perspektif hukum Islam*. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur